

13/05/1997

Cuaca buruk halang kapal terbang mendarat

KUALA LUMPUR, Isnin - Beberapa penerbangan antarabangsa dan domestik termasuk satu membawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dijadual mendarat di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, telah diarah mendarat di lapangan terbang lain atau dijadualkan semula akibat cuaca buruk petang tadi.

Seorang pegawai Pusat Kawalan Trafik Udara berkata hujan lebat dan ribut petir di sekitar Subang dan Petaling Jaya pada 5 petang menyebabkan jarak penglihatan di lapangan terbang itu amat rendah, menjadikan keadaan bahaya untuk pendaratan.

"Kami telah mengarahkan pesawat terbabit mendarat di Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pulau Pinang manakala yang belum berlepas dijadualkan semula waktu pendaratan," katanya.

Antara penerbangan yang dijadualkan semula waktu pendaratan ialah MH759 dari Vientiane (Laos), MH1056 dari Denpasar (Indonesia), MH1054 dari Johor Bahru dan MH1221 dari Alor Star serta pesawat Pelangi Air dari Banda Aceh (Indonesia) dan Kerteh.

Waktu pendaratan pesawat itu dijadualkan semula antara 8 malam dan 11.50 malam ini, katanya.

Pegawai itu berkata, antara pesawat yang tergendala waktu berlepas pula ialah MH1344 ke Kuala Terengganu, MH1452 ke Langkawi, MH1164 ke Pulau Pinang, MH2598 ke Miri, MH1063 ke Johor Bahru dan pesawat Pelangi Air ke Kerteh.

(END)